

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.33 (65)
Tarikh : 24 Jun 2015

**Ketua Pengarang
Sinar Harian**

Tuan,

MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK "MASALAH IC SEJAK UMUR 13 TAHUN" BERTARIKH 23 JUN 2015, SELASA – M.S: 36 (SENTRAL)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Untuk makluman, berdasarkan rekod JPN mendapati nama kad pengenalan beliau telah didaftarkan nama Heng Lim Lan @ Fauziah Othman semenjak beliau memegang kad pengenalan kali pertama 12 tahun.

3. Jabatan ini ingin menerangkan bahawa tidak pernah menerima permohonan pindaan butiran kad pengenalan bagi pihak Heng Lim Lan @ Fauziah Othman sebelum ini. Ingin dijelaskan bagi pindaan mengeluarkan perkataan Islam perlulah mengikut arahan Bil. 9 tahun 2007 iaitu pemohon perlu mengemukakan perintah Mahkamah Syariah bahawa beliau telah murtad atau bukan Islam.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)